

Taman terbiar kini bertukar wajah

Laluan basikal bakal dibina di Sungai Bonus, usaha DBKL hidupkan kembali taman mini

■ HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Taman Sungai Bonus yang terbiar sejak lapan bulan lalu kini bertukar wajah apabila kawasan itu diselenggara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Ahli Lembaga Penasihat DBKL, P. Gunaseelan, berkata, sebelum ini pihaknya menerima aduan daripada penduduk tentang keadaan taman berkenaan yang tidak terjaga, membuatkan ramai yang tidak memanfaatkannya meskipun dilengkapi pelbagai kemudahan.

Justeru menurutnya, inisiatif diambil DBKL memastikan taman berkenaan dapat digunakan oleh penduduk ter-

masuk menyediakan kemudahan lain.

"Perkara ini telah diambil maklum oleh pihak pengurusan tertinggi DBKL untuk diberi perhatian. Malah sebelum ini pihak penduduk juga telah melaksanakan gotong-royong.

"Selain pembersihan, pihak DBKL merancang mewujudkan laluan jogging dan berbasikal di sepanjang tepi Sungai Bonus sehingga ke Sri Rampai dengan anggaran jarak 5 kilometer," katanya sempena lawatan kerja ke taman berkenaan, baru-baru ini.

Tambah beliau, cadangan berkenaan dijangka memerlukan peruntukan kira-kira RM300,000 dan akan dimula-



Gunaseelan (hadapan) ketika lawatan kerja ke Taman Sungai Bonus baru-baru ini.

kan dalam masa terdekat.

Katanya, dengan usaha berkenaan diharapkan ia bukan sahaja dimanfaatkan oleh pen-

duduk sekitar malah oleh pelajar di sekolah berhampiran.

"Kesesakan lalu lintas berpunca daripada kenderaan ibu

bapa yang mengambil anak di sekolah boleh diatasi sekiranya pelajar membawa basikal sendiri.

"Jadi dengan rancangan mewujudkan laluan basikal ini, mereka boleh berbasikal dengan selamat di mana kita akan bincang untuk ia terus dihubungkan ke kawasan sekolah berhampiran," katanya.

Taman Sungai Bonus adalah sebuah taman mini terletak antara Jalan Genting Kelang dan Jalan 1/27a, Wangsa Maju, di sini yang diwujudkan oleh DBKL dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Sinar Harian sebelum ini pernah melaporkan keadaan taman itu yang tidak terurus dan dipenuhi belukar sehingga mewujudkan suasana tidak selamat kepada orang ramai.